

05 MAY 1998

Mahathir-Kekayaan

KEKAYAAN RAKYAT BELUM DIGERAKKAN SEPENUHNYA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekayaan rakyat Malaysia sendiri belum digerakkan sepenuhnya untuk membantu negara pulih daripada masalah ekonomi.

"Kita seharusnya berusaha menggerakkan kekayaan ini, aset dan hartanah yang kita punyai, kerana kita memerlukan modal itu," kata beliau ketika melancarkan Asnita, tabung amanah saham yang pertama untuk wanita di Malaysia.

Sejak dilanda masalah ekonomi pada Julai lepas, kekayaan negara telah terhakis sebanyak separuh, kata beliau sambil menyalahkan spekulator penyangak terhadap kejatuhan nilai ringgit sebanyak 52 peratus dalam tempoh itu.

Beliau berkata spekulator penyangak yang tamak itulah yang menyebabkan nilai ringgit susut sebanyak 52 peratus, bukannya kerana kehilangan keyakinan terhadap ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata peniaga matawang itu telah memperolehi keuntungan yang besar dengan menjual matawang tanpa memikirkan tentang penderitaan rakyat di negara yang matawangnya menjadi sasaran mereka.

"...namun begitu, dunia masih memberi tempat kepada mereka dan telah memberi pengiktirafan kepada apa yang telah dilakukan mereka," katanya.

Katanya jika kerajaan menentang mereka, maka kerajaan akan dituduh tidak tahu bagaimana hendak menjalankan sesuatu perniagaan.

Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa spekulator itu terpaksa berbuat demikian dan kemudian memberi alasan yang mereka telah hilang keyakinan terhadap negara, kononnya kerana kelemahan pentadbiran, rasuah, diskriminasi dan kurang ketelusan.

"...tetapi selama 40 tahun, negara ini telah diperintah oleh kerajaan yang sama, yang telah membuka peluang perniagaan untuk pelabur dari negara luar dan orang asing sejak sekian lama," katanya.

"Kita tidak tutup negara ini (kepada orang asing) tetapi kita jemput mereka datang, siapa sahaja boleh datang cari keuntungan. Kita tidak tamak seolah-olah kita sahaja yang dapat kekayaan daripada negara kita sendiri," katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa hasil keupayaan kerajaan telah dapat meningkatkan per kapita penduduk negara ini daripada AS\$300 selepas merdeka kepada purata AS\$5,000 (AS\$1=RM3.6) sebelum kegawatan ekonomi yang mengakibatkan per kapita negara turun.

Katanya, kejatuhan nilai ringgit juga mengakibatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) turut jatuh daripada AS\$100 bilion kepada AS\$50 bilion.

Dr Mahathir berkata apabila nilai matawang jatuh, syarikat-syarikat tempatan turut menghadapi masalah dan ramai yang tidak dapat keuntungan dan kalau ada untungnya tidak begitu banyak.

Akibat ketiadaan keuntungan oleh syarikat, kerajaan tidak dapat pungut cukai yang cukup untuk membayar gaji, katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan terpaksa mengurangkan 20 peratus bagi perbelanjaan pembangunan dan 80 peratus untuk pentadbiran.

Beliau mengingatkan bahawa penguasaan orang asing terhadap ekonomi negara akan menyebabkan rakyat negara ini hilang kemerdekaan yang diperjuangkan dan ini dianggap lebih berbahaya daripada penjajahan negara menerusi penggunaan tentera.

Dr Mahathir berkata rakyat negara ini masih boleh mempertahankan diri sekiranya mereka sanggup berkorban dan mengerakkan segala tenaga dan

kekayaan dalam bentuk wang dan harta yang dianggarkan RM1 trilion.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat supaya melabur dalam amanah saham supaya wang mereka bertambah.

Katanya, menerusi cara itu wang yang dijadikan modal itu boleh digunakan untuk melabur dalam syarikat-syarikat tempatan dan ini akan mengembalikan keyakinan terhadap pasaran saham negara yang jatuh begitu teruk sehingga 50 peratus.

Beliau berkata harga saham terutamanya syarikat tempatan menjadi murah malahan ada yang jatuh hingga RM1 seunit daripada RM10 seunit sebelum kegawatan ekonomi.

"Sekarang kita mahu tambah modal dalam syarikat-syarikat itu dan ia mesti datang daripada kita sendiri," katanya.

Beliau berkata rakyat perlu menjadikan pelaburan dalam Asnita sebagai alternatif kepada simpanan wang mereka.

Dr Mahathir berkata kerajaan boleh meminjam wang daripada luar seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) tetapi badan itu akan mengenakan pelbagai syarat.

Antara syarat yang dikenakan nanti ialah meminta kerajaan menaikkan kadar faedah dan mengurangkan pemberian pinjaman kepada syarikat-syarikat tempatan serta mengenakan tambahan cukai terhadap rakyat, kata beliau.

"Yang lebih diinginkan oleh IMF ialah meminta kita membuka negara kepada peniaga asing supaya orang asing boleh berniaga di negara ini secara bebas tanpa disekat.

"Mereka (orang asing) boleh beli syarikat-syarikat kita serta bank dan institusi kewangan tempatan atau mereka boleh menambah syarikat mereka dan bersaing dengan syarikat tempatan yang sekarang lemah," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan bahawa penguasaan orang asing terhadap syarikat serta bank tempatan boleh melemahkan dasar-dasar kerajaan terutamanya yang berkaitan Bumiputera.

Katanya, dasar yang berkaitan Bumiputera seperti Dasar Ekonomi Baru dianggap satu diskriminasi kaum kerajaan.

-- BERNAMA

ARA SHO AKD NMO